



16 Jun 2026
16 June 2026
P.U. (A) 225

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI KOS PELAKSANAAN PENGATURAN
KERJA FLEKSIBEL) 2026

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR THE COSTS OF
IMPLEMENTATION OF FLEXIBLE WORK
ARRANGEMENTS) RULES 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS PELAKSANAAN
PENGATURAN KERJA FLEKSIBEL) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dibaca bersama-sama perenggan 33(1)(d) Akta, Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel) 2026**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2025.

Potongan

2. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larian seorang majikan daripada perniagaannya dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan yang bersamaan dengan lima puluh peratus daripada perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu bagi pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel berhubung dengan—

(a) kos pembangunan kapasiti termasuklah kos latihan kepada pekerja; dan

(b) kos bagi perolehan perisian.

(2) Bagi maksud subkaedah (1)—

(a) pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel oleh majikan itu hendaklah ditentusahkan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad; dan

(b) permohonan oleh majikan itu bagi pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad pada atau selepas 1 Januari 2025 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2027.

(3) Kos pembangunan kapasiti bagi pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel yang disebut dalam perenggan (1)(a) ertinya—

(a) fi bagi kursus atau program latihan;

(b) fi bagi jurulatih dalaman;

(c) kos bagi bahan latihan;

(d) kos bagi penyewaan ruang latihan;

(e) fi bagi peperiksaan; dan

(f) perbelanjaan perjalanan berhubung dengan latihan yang dilakukan oleh pekerja dan jurulatih seperti yang berikut:

(i) kos bagi pengangkutan yang amaunnya adalah—

(A) berhubung dengan perjalanan dari luar Malaysia ke Malaysia atau dari Malaysia ke luar Malaysia, bersamaan dengan tambang penerbangan kelas ekonomi; atau

(B) berhubung dengan perjalanan dalam Malaysia, bersamaan dengan tambang penerbangan kelas ekonomi sekiranya perjalanan menggunakan pengangkutan udara atau kos sebenar yang dilakukan sekiranya perjalanan menggunakan pengangkutan darat atau air;

- (ii) kos bagi penginapan tidak melebihi tiga ratus ringgit sehari; dan
- (iii) perbelanjaan yang dilakukan bagi makanan tidak melebihi satu ratus lima puluh ringgit sehari.

(4) Perbelanjaan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah ditentukan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad dan jumlah amaun perbelanjaan yang dibenarkan tidak boleh melebihi lima ratus ribu ringgit dan hanya dibenarkan sekali sahaja di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(5) Jika jumlah amaun apa-apa perbelanjaan yang sepatutnya boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini melebihi amaun yang pada pendapat Ketua Pengarah boleh dijangkakan dengan semunasabahnya dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan, Ketua Pengarah boleh, setakat amaun yang berlebihan itu, tidak membenarkan amaun itu sebagai potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(6) Amaun potongan yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah sebagai tambahan kepada apa-apa potongan di bawah seksyen 33 Akta.

(7) Bagi maksud kaedah ini—

“pengaturan kerja fleksibel” ertinya pengaturan fleksibel bagi—

- (a) tempat bekerja;
- (b) penjadualan waktu kerja; atau
- (c) bilangan jam bekerja;

“Talent Corporation Malaysia Berhad” ertinya suatu syarikat berhad menurut jaminan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*].

Ketidakpakaian

3. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi seorang majikan yang dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran telah membuat tuntutan potongan berhubung dengan amaun perbelanjaan bagi pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel di bawah Kaedah-Kaedah yang berikut:

- (a) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Perundingan dan Latihan bagi Pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel) 2015 [*P.U. (A) 134/2015*]; atau
- (b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel) 2021 [*P.U. (A) 377/2021*].

Dibuat 10 Jun 2026

[MOF.TAX(S)700-2/1/2210; LHDN.AY.A 600-12/1/7(29)-387; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967*]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR THE COSTS OF IMPLEMENTATION OF
FLEXIBLE WORK ARRANGEMENTS) RULES 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53] read together with paragraph 33(1)(d) of the Act, the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for the Costs of Implementation of Flexible Work Arrangements) Rules 2026**.

(2) These Rules are deemed to have come into operation from the year of assessment 2025.

Deduction

2. (1) For the purpose of ascertaining the adjusted income of an employer from his business in a basis period for a year of assessment, a deduction shall be allowed which is equivalent to fifty per cent of the expenditure incurred by the employer in the basis period for the year of assessment for the implementation of flexible work arrangements in relation to—

(a) the cost of capacity development including the training cost for the employees; and

(b) the cost for the acquisition of software.

(2) For the purposes of subrule (1)—

(a) the implementation of flexible work arrangements by the employer shall be verified by Talent Corporation Malaysia Berhad; and

(b) the application by the employer for the implementation of flexible work arrangement is received by Talent Corporation Malaysia Berhad on or after 1 January 2025 but not later than 31 December 2027.

(3) The costs of the capacity development for the implementation of flexible work arrangements referred to in paragraph (1)(a) means—

(a) the fee for training course or programme;

(b) the fee for internal trainer;

(c) the cost for training material;

(d) the cost for rental of training space;

(e) the fee for examination; and

(f) the travelling expenses in relation to training incurred by the employees and trainers as follows:

(i) the cost for transportation the amount of which is—

(A) in relation to travelling from outside Malaysia to Malaysia or from Malaysia to outside Malaysia, equivalent to economy class air fare; or

(B) in relation to travelling within Malaysia, equivalent to economy class air fare if the travelling is by air transport or the actual cost incurred if the travelling is by land or water transport;

- (ii) the cost for accommodation not exceeding three hundred ringgit per day; and
- (iii) the expenditure incurred for meals not exceeding one hundred fifty ringgit per day.

(4) The expenses referred to in subrule (1) shall be verified by Talent Corporation Malaysia Berhad and the total amount of the expenditure allowed shall not exceed five hundred thousand ringgit and shall only be allowed once under these Rules.

(5) Where the total amount of any expenses which would have been allowed as deduction under these Rules exceeds the amount which in the opinion of the Director General would reasonably be expected to be incurred in the ordinary course of business, the Director General may, to the extent of that excess, disallow that amount as a deduction under these Rules.

(6) The amount of deduction allowed under these Rules shall be in addition to any deduction under section 33 of the Act.

(7) For the purpose of this rule—

“flexible work arrangements” means flexible arrangements for—

- (a) place of work;
- (b) scheduling of working hours; or
- (c) number of hours worked;

“Talent Corporation Malaysia Berhad” means a company limited by guarantee incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777].

Non-application

3. These Rules shall not apply to an employer of whom in the basis period for a year of assessment has made a claim for deduction in relation to the amount of expenditure for the implementation of the flexible work arrangements under the following Rules:

(a) Income Tax (Deduction for Consultation and Training Costs for the Implementation of Flexible Work Arrangements) Rules 2015 [P.U. (A) 134/2015]; or

(b) Income Tax (Deduction for the Costs of Implementation of Flexible Work Arrangements) Rules 2021 [P.U. (A) 377/2021].

Made 10 June 2026

[MOF.TAX(S)700-2/1/2210; LHDN.AY.A 600-12/1/7(29)-387; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Minister of Finance II

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]